

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN WONG LING BIU
(SARIKEI)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN WONG LING BIU [SARIKEI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kementerian telah tamat mengkategorikan Zero-Rated Items daripada rayuan peniaga-peniaga. Berapakah rayuan telah diterima oleh Kementerian bagi item yang ingin dikategorikan Zero-Rated Item.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan menerima banyak rayuan dari pelbagai pihak terutamanya pihak industri untuk menambah senarai barangan dan perkhidmatan pada kadar sifar. Walau bagaimanapun, adalah lebih wajar Kerajaan menjalankan kajian terhadap senarai yang

sedia ada secara menyeluruh oleh kerana pelaksanaan GST hanya meliputi dua bulan dan rakyat sedang berada di tahap penyesuaian pelaksanaan GST. Langkah yang paling penting adalah untuk memberi panduan dan penerangan yang jelas mengenai GST bagi memantapkan lagi pelaksanaannya dari semasa ke semasa.

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB BERTULIS
DARIPADA : TUAN WONG LING BIU
(SARIKEI)
SOALAN : 344

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah tindakan atau langkah Kerajaan pusat yang telah dan akan diambil untuk mempertingkatkan pembangunan asas demi meningkatkan ekonomi di kawasan luar bandar di kawasan Parlimen Sarikei.

Jawapan:

Tuan Yang di-Pertua,

Pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) untuk memperkasakan taraf hidup penduduk di luar bandar dan kawasan terpencil. Kementerian ini telah diluluskan sejumlah peruntukan yang besar terutamanya bagi melengkapkan liputan infrastruktur asas dan memastikan kualiti hidup masyarakat luar bandar terus meningkat.

Dalam tempoh RMKe-9 iaitu dari tahun 2006 - 2010, sebanyak RM37.9 juta telah diperuntukkan bagi tujuan pembangunan di Parlimen Sarikei. Program yang dilaksanakan sebahagian besarnya adalah untuk keperluan infrastruktur asas meliputi Program Jalan Luar Bandar (JALB), Program Jalan Kampung (PJK), Bekalan Air Luar Bandar (BALB), Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) dan Program Ameniti Sosial (PAMS). Sebanyak RM33.5 juta telah dibelanjakan bagi keperluan tersebut.

Dalam tempoh RMKe-10 pula, tumpuan Kementerian masih kepada usaha melengkapkan infrastruktur asas di bawah NKRA RBI *National Key Result Area - Rural Basic Infrastructure*. Sebanyak RM122.5 juta telah diperuntukkan bagi projek infrastruktur asas termasuk Program Bantuan Rumah (PBR) di Parlimen Sarikei sepanjang 2011 – 2014. Beberapa projek besar seperti Loji Rawatan Air Sarikei, Sarawak akan bersambung pelaksanaannya dalam tahun 2015.

Selain itu, terdapat juga projek penyediaan infrastruktur bagi pembangunan modal insan seperti TABIKA KEMAS serta Program GIATMARA. Program Pembangunan Tanah di bawah RISDA dan Jabatan Pertanian Sarawak (JPS) melengkapkan lagi pembangunan ekonomi di Sarikei. Agenda pembangunan luar bandar juga dimantapkan lagi di bawah *Government Transformation Programme*, GTP 2.0 dengan pelaksanaan Program Desa Abad Ke-21 yang turut menekankan kepada pembangunan ekonomi ke arah meningkatkan kualiti hidup masyarakat di luar bandar.